



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 17 JANUARI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	ANJING DISYAKI PUNCA HARIMAU DUANGKITI CDV, KELANTAN, HAKAKAH -11	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	HARGA BORONG IKAN KERAPU NAIK 20 PERATUS, DALAM NEGERI, UM -30	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
3.	BINA REBAN AYAM TERAPUNG, RUMAH KERAP DILANDA BANJIR, NEGARA, KOSMO -16	LAIN-LAIN
4.	RUGI RM30,000, 7 EKOR LEMBU DICURI, NEGARA, KOSMO -14	
5.	HARGA TELUR AYAM TURUN FEBRUARI, DALAM NEGERI, UM -6	
6.	TUKAR HUTAN TERBIAR JADI KEBUN, KOLAM, NEGARA, KOSMO -17	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Anjing disyaki punca harimau dijangkiti CDV

KOTA BHARU: Kerajaan disaran melaksanakan vaksinasi Virus Canine Distemper (CDV) terhadap lebih 100 ekor anjing yang dipelihara bagi menjaga kebun.

Timbalan Pengerusi Persatuan Pekebun Sayur dan Bunga Bumiputera Lojing, Yusup Abdul Rahman berkata, haiwan terbabit dipercayai menjadi pembawa (*host*) CDV terhadap harimau liar.

"Kita terkejut dengan laporan sampel najis harimau mengandungi CDV, sekiranya ada tanda virus CDV, maka kita saran diberikan vaksin itu terhadap anjing yang dipelihara lebih 200 pekebun.

"Kita minta setiap ahli segera memaklumkan bilangan anjing, begitu juga yang dipelihara Orang Asli supaya dapat diberikan vaksin," katanya ketika ditemui pada Khamis.

Baru-baru ini Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kelantan, Mohamad Hafid Rohani berkata, harimau yang ditemui berkeliaran di Pos Bihai Gua Musang baru-baru ini dikenal pasti dijangkiti CDV.



Yusup Abdul Rahman menunjukkan lokasi kebun dengan penempatan Orang Asli.

Menurutnya jangkitan itu dianalisis berdasar sampel najis diperolehi di lokasi berkenaan.

Yusup juga berkata, penyakit tersebut kemungkinan menjadi punca kepupusan Harimau Malaya, selain faktor kehilangan habitat asal, aktiviti pemburuan haram serta kekurangan sumber makanan di belantara.

Menurutnya juga anjing yang dipelihara menjaga tanaman terletak kira-kira 20 kilometer dari Kampung Pos Bihai yang terlibat kejadian keganasan harimau.

Oleh itu beliau berharap kerjasama semua pekebun dan Orang Asli mengutarakan masalah tersebut kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi mendapat suntikan vaksin CDV.

17/1/2022

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

30

Harga borong ikan kerapu naik 20 peratus

PUTRAJAYA: Minggu pertama Januari menyaksikan harga borong ikan kerapu melonjak 20 peratus berbanding rekod yang dicatatkan pada minggu terakhir Disember tahun lepas.

Menurut Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), keadaan itu menyaksikan spesies itu paling tinggi dalam kalangan 20 spesies terpilih lain yang dipantau oleh agensi berkenaan.

Peningkatan terbesar itu mengakibatkan purata harga borong minggu ikan tersebut ialah RM23.68, sekilogram berbanding hanya RM19.80 sekilogram pada minggu sebelumnya.

Jelas LKIM, turut menokok tinggi ikan kembung dan sotong biasa yang mencatatkan kenaikan sama 11 peratus masing-masing kepada RM12.69 dan RM28.59.

Ini diikuti ikan selar dengan 10 peratus (RM13.94), siapak pula sembilang peratus



PENIAGA menunjukkan ikan merah dan kerapu yang dijual di gerainya di Pasar Nelayan Sungai Yu, Kuala Selangor. - UTUSAN/MOHAMAD ATHIR ISMAIL

(RM15.67), cencaru naik tujuh peratus (RM8.92) dan tenggiri batang lagi enam peratus (RM27.17).

Bagaimanapun tinjauan LKIM mendapati udang putih be-

pun harga pukal itu sebenarnya merosot enam peratus daripada minggu kelima bulan lepas.

Di peringkat purata barga runcit minggu, LKIM melaporkan ikan kembung paling tinggi lonjakan iaitu lapan peratus kepada RM14.81 berbanding RM13.78 pada minggu sebelum.

Ini diikuti ikan merah dan udang putih besar menokok tujuh peratus kepada masing-masing dijual RM31.53 dan RM54.57 serta ketam renjong naik lagi lima peratus kepada RM25.00.

Sebaliknya, selar kuning mencatatkan penurunan terbesar tujuh peratus kepada RM14.10, diikuti pelaling dan aya kurik merosot dua peratus masing-masing RM11.28 dan RM10.83.

Minggu berkenaan juga menyaksikan purata harga borong minggu ikan keli paling murah dengan RM5.79 manakala runcit pula RM8.53.

Bina reban ayam terapung, rumah kerap dilanda banjir

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADWAN

KEMAMAN - Seorang penternak ayam denak menghasilkan inovasi membina reban ayam terapung bagi mengatasi masalah banjir yang sering melanda kawasan rumahnya di Kampung Tebek, Air Putih, di sini.

Abu Bakar Che Ahmad, 66, berkata, kampungnya sering dilanda banjir sekurang-kurangnya empat kali pada musim tengkujuh setiap tahun.

Dia yang juga penoreh getah berkata, bencana alam itu memberi ancaman kepada ayam denak peliharaannya sehingga menyebabkan kerugian ribuan ringgit.

"Saya pernah kerugian paling besar selepas 50 ekor ayam de-

nak peliharaan mati dihanyutkan banjir pada tahun 2014.

"Pengalaman pahit itu mendorong saya membina reban ayam terapung yang diperbuat daripada kayu dan jaring besi, manakala 10 tong plastik sebagai pelampung," katanya ketika ditemui Kosmo! di Kampung Tebak, di sini kelmarin.

Abu Bakar berkata, reban ayam terapung yang menelan belanja RM2,000 tersebut akan terapung mengikut paras banjir dan boleh menempatkan lebih 200 ekor ayam denak pada satu-satu masa.

Dia yang juga penoreh getah berkata, reban itu akan ditambat pada tiang rumahnya bagi mengelakkan ia hanyut dibawa arus-banjir.

"Saya akan menggunakan bot gentian kaca untuk menghantar makanan kepada ayam-ayam denak saya pada musim banjir.

"Buat masa ini, saya akan melakan kerja-kerja selenggara reban bagi memastikan ia berfungsi dengan baik memandangkan musim tengkujuh masih belum berakhir," katanya.

Abu Bakar berkata, dia tidak mahu lagi kehilangan ayam denak peliharaan yang dijual sebagai pemikat ayam hutan kerana ia bernilai tinggi dan dijual pada harga antara RM100 hingga RM300 seekor.

Bapa kepada tujuh orang anak itu berkata, ayam denaknya sentiasa mendapat permintaan tinggi dalam kalangan peminat dari dalam dan luar negara.



ABU BAKAR meletakkan reban ayamnya di Air Putih, Kemaman semalam.

Dua penternak berputih mata haiwan ternakan dilarikan penyamun

Rugi RM30,000, 7 ekor lembu dicuri

Oleh NIK IZZATUL
HAZWANI NIK ADNAN

DUNGUN - Dua penternak lembu berputih mata apabila mengalami kerugian hampir RM30,000 selepas tujuh ekor lembu peliharaan mereka hilang disyaki dicuri di Kampung Paya Hutan, Paka di sini kelmarin.

Seorang penternak, Romi Daud, 48, berkata, dia kehilangan lima ekor lembu, manakala dua ekor lembu milik rakannya, Mohd. Nasarul Naim Mohd. Nasir, 41, turut dicuri pada hari sama.

Romi berkata, dia menyedari lima ekor lembu ternakannya hilang sewaktu memeriksa kandang ternakannya pada pukul 7 pagi.

"Saya keluar dari rumah yang



ROMI menunjukkan kayu yang digunakan pencuri untuk mengikat lembu di Kampung Paya Hutan, Paka, Dungun semalam.

tidak jauh dari kandang lembu selepas selesai menunaikan solat subuh. Sebaik sampai, saya mendapati haiwan ternakan hanya tinggal tiga ekor.

"Puas saya saya mencari sekor lembu jantan dan empat betina yang berusia dalam lingkungan tiga tahun di kawasan sekitar tetapi tidak jumpa," katanya ketika ditemui Kosmo! di Kampung Paya Hutan, Paka di sini semalam.

Romi berkata, dia mengesyaki lembu-lembunya telah dicuri sebelum memaklumkan kejadian itu kepada jirannya, Mohd. Nasarul Naim.

Sementara itu, Mohd. Nasarul Naim memberitahu, pemeriksaan kemudian mendapati dua ekor lembu miliknya

yang ditambah pada tiang di hadapan rumah juga turut hilang.

"Saya memang biasa ikat lembu-lembu itu selepas memberi makan pada setiap petang," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Dungun, Superintendan Baharudin Abdullah ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan kecurian lembu berkenaan.

Beliau berkata, siasatan sedang dilakukan mengikut Seksyen 379 Kanun Keseksaan iaitu curi.

"Orang ramai diminta menghubungi polis sekiranya terjumpa atau mengenali pihak yang menjual lembu pada harga murah kerana kemungkinan ia hasil curi," katanya.

17/1/2022

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

6

Harga telur ayam turun Februari

Oleh **AMREE AHMAD**
utusannews@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Rakyat akan dapat menikmati semula harga telur ayam lebih murah pada bulan depan susulan berlaku lebih bekalan.

Ia berdasarkan statistik sebelum ini yang menyaksikan harga borong dan runcit bagi produk itu kembali stabil selepas sambutan Tahun Baharu Cina apabila berlaku lambakan di pasaran. Ketika ini, harga telur unggas itu masih stabil ekoran pelanjutan Skim Harga Maksimum Keluaran Malaysia (SHMKM) sehingga 4 Februari depan iaitu tiga hari selepas perayaan tersebut.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Etnial Pengguna menetapkan harga siling sebiji telur ayam gred A, B dan C masing-masing kepada 43 sen, 41 sen dan 39 sen.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Nanta Linggi Seri Alexander Nanta Linggi bagaimanapun berkata, pihak Kementerian itu masih memantapkan situasi semasa unjuran per-



BEKALAN ayam dijangka berlebihan Februari ini sekali gus menurunkan harganya di pasaran.

gerakan harga seluruh negara. "Jangan bimbang, nanti saya akan keluar kenyataan rasmi apakah usaha kementerian un-

tuk memastikan harga tetap stabil walaupun selepas SHMKM," katanya ketika dihubungi. SHMKM yang sepatutnya be-



ALEXANDER NANTA LINGGI

rakhir 31 Disember tahun lalu untuk perayaan Krismas telah disambung lagi selama 35 hari dengan meliputi 12 jenis barangan asas termasuk telur ayam.

Utusan Malaysia difahamkan, skim itu akan dilaksanakan sekali lagi awal April depan bagi keperluan Ramadan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Inisiatif itu perlu dilakukan berdasarkan pengalaman Kementerian itu pada tahun-tahun sebelum ini yang menyaksikan

harga naik atas alasan tipikal iaitu isu kekurangan bekalan.

Pada masa ini, Malaysia mempunyai lebih 70 juta ekor ayam penerul kecuali Perlis, Kelantan, Terengganu dan Wilayah Persekutuan, dengan kadar sara diri ialah 115 peratus tahun lalu.

Angka itu adalah paling tinggi berbanding kadar sara diri untuk penemak ayam pedaging iaitu 104 peratus manakala penerul babi pula 92 peratus dan susu segar hanya 64 peratus.

Berdasarkan statistik Jabatan Perkhidmatan Veterinar, bekalan telur ayam yang stabil setiap tahun membolehkan Malaysia mengeksport lebih sejuta biji ke luar negara tanpa masalah.

Tahun lepas, harga runcit gred A pernah jatuh selepas Tahun Baharu Cina sehingga 36 sen pada Mei sebelum melonjak kepada 45 sen iaitu tertinggi dalam sejarah pada September.

Malaysia setiap tahun mengekspor 10 bilion telur ayam dan secara per kapita, seorang penduduk negara ini makan sejumlah lebih 350 biji telur ayam sepanjang tahun.

Inisiatif 200 penduduk usaha tanaman, ternakan berbaloi hingga dapat manfaat

Tukar hutan terbiar jadi kebun, kolam

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI

JOHOR BAHRU - Inisiatif sekumpulan penduduk di Presint Utama, Mutiara Rini di sini, mengubah lot tanah hutan terbiar kepada kebun tanaman dan ternakan sejak tahun lalu berbaloi apabila hasilnya berjaya memana faatkan komuniti setempat.

Ketua Projek Pondok Kebun, Md. Azaly Man, 43, berkata, projek itu mampu diteruskan dengan menggunakan hasil jualan tanaman dan ternakan yang dijual kepada komuniti setempat.

Menurut beliau, pada mulanya, projek di tanah berkeluasan kira-kira 0.8 hektar itu dimulakan sejak 29 Jun lalu untuk mengisi masa terluang penduduk.

"Sehingga kini, kami telah berjaya memternak 10,000 ekor anak ikan tilapia, 100 ekor ikan patin, 500 ekor ikan keli, 60 ekor ayam kampung, 150 ekor itik telur yang menghasilkan 500 biji telur.

"Selain itu, kami juga telah menanam 228 benih padi secara hidroponik, tebu, pisang, betik, manggis, rambutan, durian selain pelbagai jenis sayur-sayuran hijau," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Tambah Md. Azaly, pada awalnya projek kebun itu di-



TANAMAN yang ditanam secara hidroponik di Projek Pondok Kebun yang diusahakan penduduk.



PENDUDUK Presint Utama, Mutiara Rini, Johor Bahru memternak ikan dan itik yang diusahakan secara bersama atas tanah hutan terbiar.

usahakan sekitar 20 orang penduduk, namun kini jumlah penduduk terlibat adalah hampir 200 orang.

"Jumlah berkenaan boleh dikatakan lebih daripada 10 peratus populasi penduduk di taman ini yang seramai 1,200 orang.

"Lebih menarik, penduduk yang terlibat terdiri daripada masyarakat berbilang kaum dan pelbagai latar belakang, termasuk projek ini juga mengeratkan lagi hubungan sesama penduduk," ujarnya.

Md. Azaly yang bekerja sebagai seorang konsultan landskap

Sehingga kini, kami telah berjaya memternak 10,000 ekor anak ikan tilapia, 100 ekor ikan patin, 500 ekor ikan keli, 60 ekor ayam kampung, 150 ekor itik telur yang menghasilkan 500 biji telur. Selain itu, kami juga telah menanam 228 benih padi secara hidroponik, tebu, pisang, betik, manggis, rambutan, durian selain pelbagai jenis sayur-sayuran hijau."

dan binaan turut memaklumkan, komitmen diberikan penduduk terhadap projek berkenaan berjaya mengubah kawasan yang dahulunya semak, kofor dan penuh

dengan nyamuk kepada kebun yang bersih. "Hasil yang diperolehi daripada kebun ini akan dikumpul setiap minggu untuk dijual ke-

pada komuniti tempatan dengan menggunakan konsep bayaran seikhlas hati.

"Semua hasil yang diperolehi adalah perkongsian bersama kerana ia dibangunkan secara bersama-sama, jadi hasil jualan akan digunakan untuk pembangunan dan untuk mengekalkan Pondok Kebun ini," katanya.

Dalam masa sama, tambahnya, mereka juga berniarap pondok kebun itu dapat memberi impak positif untuk mendidik generasi muda dalam mengenali tumbuhan, haiwan dan cara pengendalian kebun.